

Tajuk : Pelajar UNIMAS tabur khidmat di Kabong

Pelajar Unimas tabur khidmat di Kabong

Utusan Sarawak 30/04/12 m/s: 8

KABONG, Ahad — Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) telah berjaya melaksana program khidmat masyarakat dengan menyalur bantuan berupa perkakas untuk membaiki rumah dan menyumbang bahan makanan keperluan harian seperti beras, minyak masak, biskut serta beberapa keperluan lain kepada beberapa penduduk di Kampung Sungai Endot di sini hari ini.

Dengan penglibatan seramai 57 mahasiswa dan mahasiswi program berkenaan dijalankan bermula kira-kira jam 7.30 pagi.

Jurucakap program, Dr

Ahmad Nizar Yaakub berkata, bagi tujuan membaiki rumah penduduk mereka telah membantu menukar atap

rumah milik Baharom Bujang dan menyalurkan bantuan makanan kepada lima keluarga yang lain di kampung itu.

“Program kemasyarakatan Unimas di Kabong merupakan satu program yang diatur khas untuk pelajar tahun akhir Fakulti

Sains Sosial bersempena dengan 20 tahun penubuhan Unimas di negeri ini. Kabong dipilih sebagai lokasi program kerana keunikan perkampungan nelayan tradisional serta

penduduknya yang begitu senang untuk bekerjasama. Pihak Unimas tidak berhadapan masalah sepanjang program dan sambutan penduduk di atas kedatangan kami sangat kami kagumi dan kenang sampai bila-bila,” ujarnya.

Noor Ain Aini, seorang lagi pensyarah pengiring yang terlibat menyatakan program Unimas di Kabong berlangsung dengan amat berjaya dan sangat-sangat mencapai objektifnya.


“Kita amat gembira kerana sasaran kita ke Kabong tercapai dan pelajar juga begitu gembira sepanjang menyertai program di sini,” ujarnya.

Pengerusi Kawasan Rukun Tetangga (KRT) Tanjung Kembang Padu, Alwie Sapali pula mengucapkan terima kasih kepada semua warga Unimas yang terlibat. Alwie seterusnya turut mengalu-alukan kedatangan warga Unimas pada masa akan datang.

“Pihak kita tidak mempunyai sebarang masalah untuk menerima kedatangan warga Unimas. Segala bentuk bantuan kita akan cuba untuk sediakan sekadar yang termampu. Jika pihak Unimas ingin datang lagi dengan program yang lain selepas ini, pihak kami sangat mengalu-alukan kedatangan mereka,” ujarnya.



SAKSI... Datuk Tiong Thai King menurunkan tarida tangan pada sijil ikrar PIBG SMK Tung Hua di majlis makan malam meraikan sambutan Hari Guru SMK Tung Hua di Sibu semalam sambil disaksikan oleh Hjh. Dayang Normaliza (lima dari kiri) dan ahli-ahli PIBG sekolah itu.



KAYUHAN KEJAYAAN... Peserta wanita memulakan perlumbaan ketika Kaul Mukah Bike Fest di Boulevard Setia Raja, Mukah Sabtu (28 April) lalu. Aktiviti itu mendapat sambutan baik daripada peminat sukan berbasikal di Bahagian Mukah. Sukan itu adalah antara pelbagai aktiviti yang dianjurkan sempena Kaul Mukah 2012 yang bermula dari 21 hingga 29 April. Selain dalam kawasan bandar, banyak aktiviti lain juga diadakan di pantai Kala Dana, tapak Kaul Mukah 2012 sepanjang pesta sembilan hari itu berlangsung.